

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 MARCH 2017

Najib azam terus bantu rakyat



BH- 21/3/2017

→ PM mahu pastikan setiap pembangunan bersifat seimbang, dinikmati semua pihak

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

Langkawi

Datuk Seri Najib Razak, menegaskan beliau tidak akan berganjak daripada prinsipnya untuk terus membantu rakyat walaupun usaha itu dicemuh pihak tertentu.

Perdana Menteri berkata, untuk itu setiap pembangunan dipastikan bersifat seimbang dan inklusif untuk memastikan pengagihan adil dan saksama, sekali gus dinikmati semua pihak.

Mengambil contoh bantuan untuk nelayan, petani dan pekebun kecil, beliau berkata tiada salahnya kerajaan membantu mereka walaupun ada segelintir pihak menuduh ia sebagai 'dedak atau rasuah'.

"Apa salah kita bagi RM300 sebulan kepada nelayan di seluruh

negara kerana jadi nelayan tak senang... walaupun kita kutip GST, sebahagiannya kita guna untuk tolong nelayan."

"Pada saya ini dasar yang adil... ia bukan dedak atau rasuah, sebaliknya ini kerajaan yang berbudi dan tahu membela kebajikan rakyat. Kalau tak mahu bagi jangan kata ia dedak atau rasuah."

Tak berganjak

"Kami sanjung dan ingin terus bela nelayan, petani dan pekebun kecil... ini pegangan saya sebagai PM Menteri... depa nak kata apa, katalah kerana saya tak akan berganjak dari prinsip saya," katanya ketika perasmian Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Melalui Sistem Grid Kebangsaan di Pulau Tuba, di sini semalam.

Projek RM46 juta membatitkan penyediaan dua kabel dasar laut menghubungkan Langkawi dan Pulau Tuba, adalah janji Perdana



Najib beramah mesra dengan penduduk Pulau Tuba sebelum merasmikan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Melalui Sistem Grid (Bekalan 24 Jam) di Pulau Tuba, Langkawi.



Kami sanjung dan ingin terus bela nelayan, petani dan pekebun kecil... ini pegangan saya sebagai PM Menteri... depa nak kata apa, katalah kerana saya tak akan berganjak dari prinsip saya"

Najib Razak,
Perdana Menteri

Menteri ketika mengunjungi pulau berkenaan pada Oktober 2012.

Perdana Menteri turut mengumumkan berita gembira khusus untuk lebih 5,000 warga Pulau Tuba susulan kelulusan peruntukan pembangunan membatitkan nilai keseluruhan RM1.5 juta.

Bina jeti penumpang

Sebanyak RM750,000 diluluskan hasil peruntukan melalui Tenaga Nasional Berhad (TNB) membatitkan RM690,000 untuk pembinaan jeti penumpang di Tanjung Pandan yang dijangka siap penghujung Mei dan RM60,000 untuk kos pendawaian semula 30 rumah rakyat miskin.

Beliau turut mengumumkan RM800,000 untuk baik pulih rumah rakyat, selain berjanji menunaikan hasrat warga Pulau Tuba yang mahukan sebuah mini stadium untuk tujuan rekreasi yang

akan disenarai melalui Bajet 2018.

"Tuan-tuan jangan rasa khuatir kerana kerajaan pimpinan saya akan tetap membantu pembangunan Pulau Tuba, Langkawi dan juga seluruh Kedah... saya akan mai (datang) lagi untuk terus lakukan pembangunan dan bantu rakyat susah termasuk nelayan."

"Hari ini (semalam) saya sungguh gembira kerana apa yang saya lafaskan sebagai janji kepada masyarakat Pulau Tuba ditepati dan ditunaikan."

"Projek ini satu kelulusan istimewa buat orang Pulau Tuba kerana ia tak ada dalam belanjawan kerajaan, namun saya mengambil keputusan ia perlu dilaksanakan kerana diberitahu orang Pulau Tuba menghadapi gangguan bekalan elektrik yang tak begitu stabil dan tiada sistem yang ada keboleharapan di sini," katanya.